



Projek yang sama dijalankan oleh negara jiran di sempadan Thailand menguatkan lagi impian penduduk Rantau Panjang untuk menikmati kemudahan tebatan banjir.

## Masih menanti pembinaan tebatan banjir

**HARAPAN** utama penduduk pastinya menjerus ke arah pembinaan tebatan banjir di sepanjang Sungai Golok.

Biarpun proses pelaksanaan dibuat sejak 1996 iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, namun penduduk masih menaruh harapan agar pembinaannya dipercepatkan bagi mengurangkan kerugian ditanggung setiap kali banjir.

Projek yang sama memabitkan negara berjiran di sempadan Thailand menguatkan lagi impian pen-



● **Dapat kurangkan jenayah sempadan atau pembolosan sempadan berikutan jarak dua negara berjiran ini terlalu dekat**

duduk untuk menikmati kemudahan tersebut.

Meskipun teruja ketika menerima bantuan wang ihsan berjumlah RM1.5 juta,

namun lebih 3,000 penduduk terjejas setiap kali tengkujuh tetap berasa perit setiap kali berpindah ke pusat pemindahan akibat banjir sementara.

Ia bukan sahaja menjejaskan kehidupan masyarakat, malah melumpuhkan sektor pelancongan dan ekonomi setempat.

Abdullah Mat Yusoff, 52, berkata, dia temanti-nantikan pembinaan tebatan banjir ini kerana dapat mengurangkan limpahan air Sungai Golok.

Pembinaan tebatan juga

katanya, dapat mengurangkan jenayah sempadan atau pembolosan sempadan berikutan jarak dua negara berjiran ini terlalu dekat.

“Bukan saja dapat kurangkan perbelanjaan kerajaan menerusi bantuan wang ihsan banjir, malah misi kurangkan kadar jenayah dapat dicapai dengan hanya pembinaan benteng.

“Ini juga mungkin dapat jadi mercu tanda baru di Rantau Panjang sesuai dengan lokasinya sebagai parlimen sempadan,” katanya.